

Media Title : Utusan Borneo Sarawak  
Headline : Keldai akaun didenda RM500 kerana kesalahan miliki wang secara tidak sah  
Date : 18 January 2023  
Section : Tempatan  
Page : 7



# Keldai akaun didenda RM500 kerana kesalahan miliki wang secara tidak sah

MIRI: Seorang keldai akaun didenda RM500 atau sebulan penjara oleh Mahkamah Majistret kerana kesalahan memiliki wang secara tidak sah.

Hukuman itu dijatuhkan Nazira Adlin Ahmad Khairul Razi setelah Rikisih Efred, 21, dari Kota Kinabatangan, Sabah mengaku bersalah atas tuduhan yang dibacakan kepadanya mengikut Seksyen 37 (1) Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil 1958 (Sarawak).

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan

hukuman penjara sehingga tiga bulan dan denda maksimum RM500 jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah memiliki wang RM1,500 yang diperolehi secara tidak sah.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 2.09 petang, 26 Ogos 2021 di sebuah lot di Taman Hilltop Selatan di sini.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.